



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Semangat Nasionalisme dalam Filem Ola Bola (2016)

Oleh

Siti Nur Aisyah Aqilah Binti Esa

Projek Penyelidikan ini dikemukakan sebagai keperluan memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Teknologi Kreatif (Pengajian Skrin)

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2020

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
ABSTRACT	
BAB I: PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	2-3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Skop Kajian	3-4
1.6 Kepentingan Kajian	4-5
1.7 Struktur Organisasi Kajian	5-6
1.8 Kesimpulan	6
BAB II: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Definisi Nasionalisme	7-8
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	8-16
2.4 Kesimpulan	17
BAB III: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	18
3.2 Kaedah Penyelidikan	18-20
3.3 Instrumen Kajian	20-21
3.4 Carta Aliran Penyelidikan	22
3.5 Carta Gantt	23-24
3.6 Kesimpulan	25
BAB IV: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	26
4.1 Analisis Unsur-unsur Nasionalisme	26-42
4.2 Kesimpulan	42

BAB V: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	43
5.1	Kesimpulan	43
5.2	Cadangan	44

RUJUKAN	45-46
---------	-------

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh Ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses secara talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari Tarikh _____ hingga _____.

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan Organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis sebagai tujuan pertukaran antara Institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

SITI NUR AISYAH AQILAH BINTI ESA

EN. FAIRULADILAN BIN HAMADUN

Tarikh :

Tarikh :

Nota : Sekiranya laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada Organisasi yang menyatakan masa dan sebab-sebab.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya panjatkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Encik Fairuladlan bin Hamadun, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mendidik saya menjadi seorang penyelidik yang baik.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati. Encik Esa bin Hj. Ahmad dan Puan Salmah binti Ismail yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada sahabat saya, Nurul Syaheerah binti Ghazlimi dan juga Muhammad Syafiq bin Ibrahim atas sokongan dan bantuan sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan diingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan dan cadangan dalam penghasilan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna bagi tatapan generasi yang akan datang.

ABSTRAK

Nasionalisme merujuk kepada kefahaman mengenai rasa cinta yang tinggi terhadap bangsa dan tanah air. Penyelidikan dan hasil kajian dilakukan mengenai semangat nasionalisme dalam sebuah filem drama sukan hasil garapan Chiu Keng Guan iaitu *Ola Bola* yang diterbitkan pada tahun 2016. Pemaparan semangat nasionalisme diperlihatkan hasil daripada babak-babak yang terdapat di dalam filem ini. Kajian ini turut membahaskan definisi nasionalisme yang sejajar dengan semangat nasionalisme di dalam sebuah filem berbentuk sukan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat analisis kandungan berdasarkan filem tersebut. Semangat nasionalisme dapat ditunjukkan misalnya melalui perkataan dan ucapan, tingkah laku serta perbuatan.

Kata Kunci: Semangat Nasionalisme, filem, sukan, tanah air, *Ola Bola*

ABSTRACT

Nationalism refers to the understanding of a high sense of love for one's nation and homeland. Research and research results were done on the spirit of nationalism in a sports drama film by Chiu Keng Guan, *Ola Bola*, which was published in 2016. The display of the spirit of nationalism is shown from the scenes in this film. This study also discusses the definition of nationalism which is in line with the spirit of nationalism in a sports film. Researchers have used a qualitative method by making content analysis based on the film. The spirit of nationalism can be shown for example through words and speech, behavior and deeds.

Keywords: Spirit of Nationalism, film, sports, homeland, *Ola Bola*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Filem *Ola Bola* (2016) arahan Chiu Keng Guan yang berdurasi selama 1 jam 53 minit ini, merupakan sebuah filem bergenre drama sukan yang diilhamkan dari kisah benar perjuangan sebuah pasukan bola sepak Negara pada era 80-an. Filem ini mula diterbitkan pada tahun 2016 dan mula ditayangkan pada 28 Januari 2016. Filem yang berlatar belakangkan era 80-an ini melambangkan kepelbagaian budaya masyarakat di Malaysia tanpa mengira latar belakang (Cob, 2020). Filem ini berkisarkan tentang seorang wartawan iaitu Marianne yang ditugaskan membuat kajian mengenai pasukan bola sepak tanah air yang telah mencipta nama pada suatu ketika dahulu dan pertemuannya dengan seorang ahli pasukan tersebut iaitu Balak Eric, telah berjaya merungkai kisah dan sejarah ahli-ahli pasukan yang terlibat. Misalnya, kapten pasukan tersebut iaitu Chow Kok Keong atau dikenali dengan gelaran Tauke yang dilakonkan oleh J C Chee, watak Muthu selaku penjaga gol, watak Ali, Abu, Sanjeet Singh dan tidak lupa juga watak *Coach* Harry Mountain.

Filem *Ola Bola* (2016) ini telah berjaya memenangi anugerah *Best Original Film Song* di *Golden Horse Film Festival* 2016 yang diadakan di Taipei, Taiwan. Filem ini juga mendapat sebanyak 5 pencalonan dan 2 anugerah di Festival Filem Malaysia ke-28 pada September 2016. Sehubungan dengan itu, berdasarkan daripada kejayaan filem *Ola Bola* (2016) yang telah memenangi anugerah dalam Festival Filem Malaysia dan juga *Golden Horse Film Festival* telah mendorong kajian ini untuk melihat unsur-unsur nasionalisme yang terkandung di dalam naratifnya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Analisis yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih wujud jurang kajian yang perlu dilengkapi dalam konteks nasionalisme bagi filem *Ola Bola* (2016). Sehingga kini, kajian hanya menemui beberapa penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap nasionalisme iaitu *Representasi Nasionalisme dalam Filem Aisyah: Biarkan Kami Bersaudara* (Susi Setyowati & Indah Perdana Sari, 2019), *Representasi Nasionalisme dalam Filem Nagabonar Jadi 2* (Zainal Abidin, 2017), dan juga kajian *Representasi Nasionalisme dalam Filem Habibie dan Ainun* (Rony Oktari Hidayat, 2014). Namun begitu, kajian-kajian tersebut memfokuskan kepada aspek nasionalisme dalam konteks filem di Indonesia sahaja.

Nasionalisme dan patriotisme bukanlah satu hal yang sama, namun begitu ianya masih saling berkaitan. Patriotisme itu sememangnya perlu disemai dan dipupuk sedari kecil lagi bagi menanam perasaan cinta kepada Negara (Halim, 2020). Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah, semangat nasionalismelah yang dapat melahirkan perasaan bersatu padu di kalangan rakyat. Nasionalisme ini merupakan satu gerakan mewujudkan masyarakat lebih terbuka dalam mengecapi kebahagiaan sebagai individu untuk menjaga kemerdekaan sebagai warganegara untuk pembebasan akal fikiran dari belenggu pihak penjajah. Dalam kata lain, nasionalisme itu sendiri adalah satu semangat (Halim, 2020). Melalui kebudayaan misalnya bahasa yang digunapakai, agama dan sebagainya mampu mewujudkan semangat nasionalisme. Di sini, filem *Ola Bola* (2016) menggunakan hampir keseluruhan dialog dituturkan dalam bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Sebagai sebuah negara yang telah merdeka, nasionalisme itu menjurus sebagai sebuah perjuangan mempertahankan maruah, mempertingkatkan martabat dan juga kedaulatan negara (Halim, 2020).

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi mencapai matlamat kajian ini ialah:

1. Mengkaji unsur-unsur nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016).

2. Menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016).
3. Mengaplikasikan unsur nasionalisme dalam filem pendek yang akan dibangunkan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan kajian bagi kajian ini:

1. Apakah unsur-unsur nasionalisme yang wujud dalam filem *Ola Bola* (2016)?
2. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016).
3. Bagaimanakah faktor-faktor unsur-unsur nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016) dapat diaplikasikan di dalam filem pendek yang akan dibangunkan?

1.5 SKOP KAJIAN

Batasan kajian mengkaji bagaimana proses kajian ini dijalankan dari segi skop perjalanan yang digunakan. Tahap kefahaman di dalam kajian semangat nasionalisme dalam filem 'Ola Bola'.

- i. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap filem *Ola Bola* (2016) arahan Chiu Keng Guan dibawah terbitan *Astro Shaw* dan *Golden Screen Cinemas* yang bergenre drama, sukan dan sejarah yang mula ditayangkan pada 28 Januari 2016. Hal ini disebabkan oleh *Ola Bola* (2016) merupakan salah satunya filem yang cuba mengangkat semangat nasionalisme melalui *platform* sukan bola. Tambahan pula, filem ini telah banyak memenangi anugerah dalam Festival Filem Malaysia dan *Golden Horse Film Festival*, antaranya adalah *Best Original Film Song* di *Golden Horse Film Festival 2016* yang diadakan di Taipei, Taiwan. Filem ini juga mendapat sebanyak lima belas pencalonan di Festival Filem Malaysia ke-28 iaitu Filem Terbaik, Anugerah Khas Juri, Busana Terbaik, Skor Muzik Asal Terbaik, Lagu Tema Asal Terbaik, Pengarah Terbaik, Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik, Cerita Asal Terbaik,

Lakon Layar Terbaik, Suntingan Terbaik, Penataan Seni Terbaik, Pelakon Baru Lelaki Terbaik, Pelakon Baru Wanita Terbaik, Pelakon Kanak-kanak Terbaik, dan Kesan Visual Khas Terbaik. Hasilnya, filem *Ola Bola* ini telah berjaya membawa pulang empat anugerah iaitu Anugerah Khas Juri, Busana Terbaik, Skor Muzik Asal Terbaik dan Lagu Tema Asal Terbaik.

Selain itu, kajian ini memfokuskan unsur-unsur nasionalisme di dalam filem *Ola Bola* (2016). Hal ini demikian kerana kurangnya perhatian dalam kalangan penggiat filem dalam penghasilan filem-filem berunsur nasionalisme sebegini. Seterusnya, kajian ini penting untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan unsur-unsur nasionalisme dalam diri. Kebanyakan masyarakat di negara ini menjalankan hidup mereka dengan menganggap isu nasionalisme ini sebagai perkara yang enteng. Bahkan terdapat di antara mereka yang mementingkan sikap individualistik tanpa memikirkan tempiasnya kepada orang di sekeliling. Misalnya, kejadian langgar lari, isu terlebih sempadan antara tanah kawasan rumah, dan banyak lagi perkara-perkara yang sepatutnya tidak terjadi di negara ini. Namun disebabkan sikap individualistik yang bermaharajalela dalam diri sanggup mengenyepikan hal-hal sebegini.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini amat penting dari segi akademik sama ada kepada pendidik mahupun pelajar untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam pembelajaran dan pengajaran khususnya kepada mahasiswa/mahasiswa yang menjalankan kajian yang serupa atau berkaitan dengan kajian ini untuk digunakan sebagai kajian lepas dan berkemungkinan besar dapat membantu penyelidikan mereka. Kajian ini tidak tertakluk kepada sesebuah industri sahaja, namun begitu kajian ini lebih dikhususkan kepada bidang industri perfileman yang mana dilihat tidak terlalu banyak kajian lepas yang berkaitan dengan semangat nasionalisme di dalam sesebuah filem tanah air. Hasil kajian ini akan dapat membantu mana-

mana penggiat industri yang memerlukan rujukan mengenai nasionalisme dalam filem. Penyelidik turut berharap kajian ini dapat membantu penggiat seni perfileman di Malaysia. Kepentingan kajian ini kepada masyarakat pula ialah agar masyarakat setempat lebih mengamalkan bersikap keterbukaan dalam menerima perbezaan dan kekurangan antara satu sama lain. Dengan ini, barulah kita dapat menjaga keharmonian dalam kehidupan yang berbilang kaum serta lebih menghargai kehadiran mereka yang berbeza agama dan budaya.

1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, penyelidik akan mengkhususkan setiap bab dengan lebih terperinci. Pada bab satu ini, mengandungi pengenalan yang menerangkan tentang kata kunci yang penting dalam kajian ini iaitu nasionalisme, filem dan juga mengenai filem Ola Bola itu sendiri. Kemudian, pada permasalahan pula, penyelidik cuba melihat masalah yang wujud di dalam filem Ola Bola ini. Objektif kajian pula adalah untuk mencapai matlamat kajian ini dilaksanakan. Dengan itu, persoalan kajian amat penting untuk membantu penyelidik menjalankan lebih penelitian terhadap tajuk yang dipilih. Pada skop kajian pula, terdapat limitasi had kajian untuk dilaksanakan agar dapat memudahkan penyelidikan ini dihasilkan. Bahagian terakhir di dalam bab ini adalah kepentingan kajian kepada beberapa pihak misalnya kepada akademik dan bidang industri.

Seterusnya, bab dua merupakan bahagian yang menghuraikan erti istilah dan tinjauan kesusasteraan iaitu *literature review* yang digunakan dalam penyelidikan ini. Kajian literatur meliputi pengumpulan data melalui kajian-kajian lain yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan juga sebagai panduan untuk melihat sama ada wujudnya kelompangan dari kajian yang dijalankan. Kemudian di dalam bab tiga pula, bab ini menjelaskan tentang kaedah-kaedah yang akan digunakan dalam penghasilan kajian penyelidikan bagi menyempurnakan kajian yang dilakukan bagi menepati tajuk kajian yang telah dipilih. Kaedah kajian ini terdiri daripada rujukan perpustakaan, jurnal, artikel, internet dan kajian lepas yang telah dijalankan.

Di samping itu, bab empat adalah bahagian di mana penyelidik menerangkan mengenai dapatan kajian hasil daripada kaedah kajian yang diperolehi menggunakan instrumen kajian iaitu kaedah kualitatif. Setiap hasil kajian yang diperolehi dalam kajian penyelidikan ini merangkumi proses kajian internet, kepustakaan, audio visual, dan juga analisis kandungan. Akhir sekali, di dalam bab lima, segala dapatan kajian atau kajian penyelidikan yang dijalankan perlu disimpulkan untuk merumuskan segala perbincangan dan dapatan di dalam kajian yang dilakukan. Di samping itu, cadangan dan pendapat yang berkaitan dan relevan akan dikemukakan di dalam bab yang terakhir ini sebagai satu tujuan penambahbaikan terhadap perkara yang telah dibahaskan.

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidik menganalisis tajuk-tajuk yang berkaitan bermula dari bahagian pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, struktur organisasi kajian serta kesimpulan. Melalui pembicaraan dan analisa dalam bahagianbahagian tertentu dapat menggunakan bab satu ini sebagai panduan penyelidik untuk menjalankan penyelidikan.

BAB 2

LITERATURE REVIEW

2.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang analisis yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas oleh para sarjana. Setiap kajian yang dijalankan diteliti satu persatu bagi mendapatkan maklumat yang mendalam terhadap isu nasionalisme dalam konteks filem mahupun bidang lain. Bagi tujuan tersebut, bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Definisi Nasionalisme, Kajian Lepas Nasionalisme dan Kesimpulan Bab Dua.

2.2 DEFINISI NASIONALISME

Menurut Sarman (1995), nasionalisme acap kali ditafsirkan sebagai perasaan cinta terhadap tanah air, yang merupakan lambang patriotisme sebagai corak perjuangan yang umpama membenarkan sebarang kaedah demi Negara tercinta. Pengertian ini membawa makna bahawa nasionalisme sudah tidak relevan lagi dengan isu-isu yang berkaitan pada hari ini, di mana kita tidak lagi mengalami isu merebut kebebasan dari taklukan kolonialis dan sebagainya. Dalam konteks lain pula, nasionalisme adalah kesamarataan warganegara dari setiap kelompok etnik dan juga budaya di dalam sesuatu bangsa. Kebanggaan juga diperlukan untuk mempamerkan identiti sesebuah negara (Hara, 2005).

Kata mudahnya, nasionalisme ini didefinisikan sebagai keupayaan mencintai bangsa serta Negara. Nasionalisme itu sendiri adalah berasal dari perkataan '*nation*' yang bermaksud bangsa. Kerap kali istilah patriotisme disalahertikan dengan nasionalisme (Sraders, 2018). Menurut Sraders (2018) lagi, nasionalisme dan patriotisme adalah tidak serupa sama kali. Walaupun patriotisme lebih menggambarkan rasa cinta serta pengabdian kepada sebuah Negara, namun di sini nasionalisme lebih kearah mempromosikan budaya, bahasa, dan

ketuanan bangsa. Hal ini boleh mendorong kepada implikasi yang berbahaya dan juga sebaliknya. Perkembangan nasionalisme merangkumi banyak bentuk dan ungkapan yang agak mustahil untuk ditentukan dengan kata-kata yang tepat. Namun begitu, makna dan konsep dapat dianalisis dengan merujuk ahli falsafah nasionalisme yang terkenal. Menurut Profesor Hans Kohn (1965), beliau mendefinisikan konsep sebagai 'keadaan fikiran, di mana kesetiaan tertinggi dari individu dirasakan disebabkan oleh Negara bangsa'.

Oleh hal yang demikian, pemilihan filem *Ola Bola* (2016) ini merupakan satu permulaan kepada pemaparan konteks unsur nasionalisme dalam karya filem di Malaysia. Filem ini sarat dengan mesej dan semangat nasionalisme. Hal ini mendekati makna sebenar kepelbagaian di dalam sebuah filem kerana ia menampilkan bakat-bakat lakonan dari mereka yang berbilang kaum. Lebih-lebih lagi apabila filem *Ola Bola* (2016) ini diilhamkan oleh kegemilangan pasukan bola sepak kebangsaan pada suatu ketika dahulu, yang layak ke Olimpik pada tahun 1980. Melalui pengalaman penyelidik sendiri, filem ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Terdapat di antara masyarakat Melayu yang tidak mengetahui tentang kewujudan filem ini. Apabila mereka selesai menonton filem ini, mereka seperti kagum dengan pengetahuan masyarakat Cina yang lebih mengetahui filem ini. Dari awal, media filem telah menentukan dan memperkukuhkan nilai teras dan struktur sosial Negara. Ini demikian kerana, mereka (filem) bertindak membantu menentukan makna sosial dan budaya (Williams, 2001).

2.3 KAJIAN LEPAS / KAJIAN LITERATUR

Jurnal pertama yang menjadi rujukan berkaitan dengan semangat nasionalisme ialah kajian bertajuk *Perspektif Melayu, Barat dan Islam Mengenai Nasionalisme: Satu Kajian Perbandingan*, merupakan hasil karya penulisan tesis (masters) Norsazali Abdullah (2005). Kajian ini bertujuan untuk mengupas seberapa jauh jarak perbezaan di antara Melayu, Barat dan Islam dalam memahami dan mengamalkan semangat nasionalisme tersebut. Hal ini

demikian kerana setiap pihak mempunyai tanggapan serta menggunakannya dengan cara yang berbeza dalam menegakkan keadilan Negara dari campur tangan kuasa asing.

Kajian Norsazali Abdullah (2005), ini perlu agar masyarakat Melayu tidak hanya bersikap sambil lewa terhadap pengamalan nasionalisme di Negara ini. Maka dengan kajian ini dapat membantu memberikan panduan kepada masyarakat Melayu dari tanggapan yang salah terhadap nasionalisme. Perbandingan yang baik menuntun kearah pemahaman yang lebih berasas dengan mendapatkan rujukan dari sumber perpustakaan. Beliau menganalisis menggunakan kitab berserta buku-buku Arab yang mengulas mengenai Asabiyah, Hubbul Watan Minal Iman dan juga Qaumiyyah bagi membantu dari sudut perspektif Islam terhadap nasionalisme.

Dalam kajian ini juga, menerangkan semula definisi-definisi yang berbeza mengikut zaman dan peradaban semasa. Zaman dahulu di dalam konteks penjajahan, nasionalisme berfokus kepada definisi bahawa ianya merupakan satu kesedaran untuk membangkitkan semangat bertujuan mendapatkan kebebasan namun pada masa kini, nasionalisme lebih merujuk kepada fahaman kebangsaan iaitu bangsa dan Negara yang berkait dengan kewarganegaraan. Pernyataan ini meyakinkan bahawa semangat nasionalisme ini merupakan semangat kewarganegaraan yang bangga dengan identiti Negara untuk menaikkan lagi martabat Negara di mata dunia. Kesimpulannya, melalui kajian ini dapat dilihat bahawa penumpuan dilakukan terhadap perbandingan perspektif barat, melayu dan Islam mengenai nasionalisme. Perkara ini berbeza sama sekali dengan kajian yang akan dijalankan kerana penyelidik memfokuskan unsur semangat nasionalisme di dalam filem *Ola Bola* (2016).

Seterusnya, jurnal yang berkait dengan kajian semangat nasionalisme adalah *Kajian Semangat Patriotisme dan 1Malaysia dalam Kalangan Mahasiswa di Timur Tengah* pada tahun 2015 yang dikarang oleh Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani di bawah: Jurnal 'Abqari. Kajian ini bertujuan melihat kefahaman semangat patriotisme dan 1Malaysia dalam kalangan mahasiswa serta harapan mahasiswa Malaysia yang berada di

Timur Tengah ke atas kepimpinan Negara ini. Hasil dapatan penyelidik melalui kajian ini adalah bagaimana penduduk pelbagai etnik menghapuskan perasaan taat atau menukarkannya dengan rasa cinta terhadap Negara. Formula yang didapati untuk mengatasi masalah ini dengan menggunakan konsep patriotisme bagi menggantikan konsep nasionalisme.

Hal ini demikian kerana, melalui kajian Rumaizuddin dan Rushdan (2015) membincangkan konsep 1Malaysia yang mana para mahasiswa masih kabur memandangkan mereka tidak memahaminya secara mendalam. Bahkan mereka melihatnya sebagai pendekatan politik yang hampir menyamai "1Israel" dan tidak melihat 1Malaysia sebagai konsep yang menguntungkan dalam memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia. Maka kajian ini menyimpulkan bahawa para mahasiswa Malaysia di Timur Tengah kurang pendedahan terhadap konsep 1Malaysia kerana kekurangan inisiatif yang diambil oleh kementerian yang bertanggungjawab. Kesimpulannya, kajian ini hanya memfokuskan mahasiswa Malaysia yang berada di Timur Tengah sahaja tanpa mengkhususkan situasi di Malaysia. Secara keseluruhan kajian ini, bersangkut paut dengan pendedahan elemen patriotisme dalam kalangan mahasiswa di Timur Tengah, maka perkara ini berbeza dengan kajian penyelidik yang ingin mengkhususkan semangat nasionalisme di dalam sebuah filem.

Di dalam kajian literatur seterusnya adalah melibatkan sebuah jurnal yang bertajuk *Representasi Nasionalisme dalam Film Aisyah: Biarkan Kami Bersaudara* diterbitkan pada tahun 2019 dan pengarangnya bernama Susi Setyowati dan Indah Perdana Sari. Hasil penulisan jurnal ini adalah untuk menyatakan bahawa salah satu cara penggunaan media bagi memupuk semangat nasionalisme adalah bermula dari karya filem. Filem *Aisyah: Biarkan Kami Bersaudara* (2019) ini salah satu filem karya Indonesia yang menceritakan perihal pendidikan dan jurang perbezaan di daerah yang terpencil. Perihal tersebut telah melahirkan semangat nasionalisme di dalam filem ini, namun begitu ianya tidak ditonjolkan secara langsung namun ditunjukkan melalui perlakuan watak dan penceritaan.

Kajian Setyowati dan Sari (2019), menggunakan teori semiotik daripada

Charles Sanders Peirce yang dikenali sebagai bapa pragmatisme. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pragmatisme bermaksud kepercayaan kepada sesuatu kebenaran atau nilai suatu teori, ajaran dan sebagainya yang bergantung kepada kegunaan yang dipraktikkan. Teori semiotik Peirce dikenali sebagai model *triadic* atau *triangle meaning semiotics* yang terdiri daripada tiga perkara iaitu *Sign* (tanda), *Object* (sesuatu yang dirujuk), *Interpretant* (sesuatu hasil perkaitan tanda dan sesuatu yang dirujuk). Dapat disimpulkan bahawa model *triadic* ini membantu kajian mendapatkan interpretasi terhadap semangat melalui watak yang dilakonkan di dalam filem *Aisyah: Biarkan Kami Bersaudara*. Perkara ini hampir menyamai kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik dalam mengkaji unsur semangat nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016).

Jurnal keempat yang menjadi rujukan yang berkaitan dengan semangat nasionalisme ialah kajian yang bertajuk *Representasi Nasionalisme dalam Filem Nagabonar Jadi 2* merupakan hasil penulisan Zainal Abidin (2017) di bawah: Jurnal Politikom Indonesiana. Kajian Zainal Abidin (2017), membicarakan analisis semiotika Roland Barthes terhadap representasi nilai-nilai nasionalisme dalam filem *Nagabonar Jadi 2*. Tujuan kajian ini untuk menganalisis babak-babak yang memaparkan elemen-elemen nasionalisme yang terdapat dalam filem tersebut melalui analisis tahap denotasi dan juga konotasi. Penyelidikan tersebut menggunakan kaedah kajian kualitatif. Hasil dapatan kajian Zainal Abidin (2017) memperlihatkan bahawa penghasilan karya filem menunjukkan nasionalisme itu sesuatu yang dapat dialami oleh masyarakat tanpa memerlukan pendedahan dari para pemerintah mengenai nasionalisme.

Melalui perjalanan cerita yang menarik, elemen-elemen nasionalisme tersebut dengan mudah dapat disisipkan melalui pelbagai babak dan dialog yang dibawa sehinggakan para penonton sekaligus dapat merasakan pengertian nasionalisme tersebut tanpa perlu menerima pendedahan lain. Filem *Nagabonar Jadi 2* ini memperlihatkan bahawa nasionalisme bukan nasionalisme moden mahupun nasionalisme sempit yang meletakkan diri individu pada perkaitan kesamaan warna kulit, ras, suku, ataupun agama. Tetapi ianya lebih merujuk kepada satu bentuk penghargaan dan penghormatan terhadap sejarah atau simbol

Negara seperti hari kemerdekaan, bendera Negara atau tugu pahlawan. Kesimpulannya, kajian tersebut agak mempunyai persamaan di mana kajian yang akan dijalankan berusaha untuk mendalami unsur-unsur nasionalisme yang wujud dalam filem *Ola Bola* (2016) berdasarkan konsep nasionalisme.

Kajian yang menjadi rujukan berikutnya adalah kajian yang bertajuk *Nilai Nasionalisme dalam Filem Nasional* oleh Satrina yang diterbitkan pada tahun 2014. Kajian ini memfokuskan terhadap analisis Semiotik Barthes terhadap filem *5 Cm*. Penelitian kajian ini melihat di sebalik babak-babak dalam filem *5 Cm* yang bertujuan untuk mengkaji makna mesej nilai-nilai nasionalisme dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, analisis dijalankan menggunakan analisis semiotik mitos yang dicipta oleh Roland Barthes. Manakala, data dikumpulkan melalui proses penyelidikan dan kajian kepustakaan. Hasil penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa maksud mesej nilai-nilai nasionalisme di dalam filem *5 Cm* tersebut berjaya disampaikan melalui sudut pandang sinematografer dan kewujudan semua watak utama, tetapi terdapat tiga watak paling dominan iaitu Ian, Genta dan Zafran.

Kisah di dalam kajian ini mempunyai mesej nasionalisme dalam kehidupan anak muda hari ini yang seiring dengan hiburan, iaitu aktiviti mendaki puncak Mahameru. Aktiviti mereka tersebut bukan sahaja untuk bersantai dan meraikan perjumpaan, tetapi mereka mempelajari nilai-nilai nasionalisme yang menjadikan mereka orang-orang yang cintakan tanah air sendiri. Dari sudut kajian ini, penyelidik melihat bahawa penulis mengambil filem *5 Cm* sebagai kajian nilai nasionalisme kerana pengisian cerita yang sarat dengan unsur positif yang mengandungi nilai-nilai nasionalisme berbanding dengan filem-filem mahupun drama-drama sinetron yang langsung tidak layak ditonton oleh semua lapisan masyarakat khususnya kepada remaja.

Seterusnya, kajian rujukan yang keenam adalah kajian mengenai *Semangat Nasionalisme dalam Filem (Analisis Isi Kuantitatif dalam Filem Merah Putih)* yang merupakan kajian Kharis Maulana Akbar, Lalita Hanief, dan Muhammad Alif yang diterbitkan pada tahun 2017. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana kandungan mesej nasionalisme dalam filem *Merah Putih* dengan menggunakan enam petunjuk nasionalisme yang

merangkumi rasa kebanggaan, rasa perpaduan dalam kepelbagaian, rasa semangat juang, semangat perpaduan, diplomasi, dan rasa cintakan Negara. Berdasarkan kajian ini, penulisnya menggunakan pendekatan kuantitatif jenis deskriptif untuk menganalisis kandungan. Teknik pengumpulan datanya menggunakan kaedah pemerhatian, dokumentasi, temu ramah, dan pengekodan.

Pemilihan filem *Merah Putih* ini kerana ianya kerap kali disiarkan sewaktu hari-hari kebangsaan misalnya Hari Kemerdekaan Indonesia, Hari Kebangkitan Nasional serta Hari Pahlawan. Mesej di dalam filem ini disampaikan melalui beberapa babak secara langsung mahupun tersembunyi. Misalnya melalui dialog yang tanpa kita sedari ianya mempunyai makna tersirat. Penyelidik dapat menjelaskan bahawa kajian Kharis Maulana Akbar, Lalita Hanief, dan Muhammad Alif (2017) ini agak rumit dengan kaedah pengumpulan data melalui pendekatan kuantitatif deskriptif tersebut melalui enam petunjuk nasionalisme yang berbeza-beza bahkan mengumpulkan data dengan pengekodan. Perbezaan kajian ini tampak jelas dengan kajian yang bakal dijalankan oleh penyelidik yang hanya menggunakan pendekatan kualitatif.

Kajian ketujuh pula adalah kajian tentang *Penerimaan Khalayak Terhadap Nilai Nasionalisme dalam Filem 'Tanah Surga Katanya'*. Kajian tersebut adalah karya Ruthantika Cahya Linadi yang diterbitkan pada tahun 2014 di bawah: Jurnal E-Komunikasi. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana penerimaan orang awam terhadap nilai nasionalisme di dalam filem *Tanah Surga Katanya*. Teori yang digunakan bagi kajian tersebut adalah *reception analysis*. Merujuk kepada kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Kajian ini mendapatkan tiga informan yang berbeza latar belakang, pengalaman, budaya dan juga prinsip hidup. Pandangan setiap informan sudah semestinya berbeza mengikut perspektif individu itu sendiri terhadap nilai nasionalisme di dalam *Tanah Surga Katanya* ini.

Menariknya kajian ini, informannya dipilih secara *snowball sampling*. Terdapat syarat khusus pemilihan informan iaitu, individu yang menetap di sempadan Indonesia-Malaysia,

bakal tenaga kerja wanita yang akan bekerja di Malaysia, dan tenaga kerja wanita yang pernah bekerja di Malaysia. Hal ini demikian kerana, filem ini menonjolkan elemen solidariti yang kuat sekaligus mendorong semangat nasionalisme, namun begitu sepertinya filem *Tanah Surga Katanya* agak berlebihan dalam memaparkan kekurangan Indonesia berbanding Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji memilih calon-calon informan yang berkaitan dengan filem tersebut dengan memenuhi kriteria yang dikehendaki untuk mendapatkan pandangan setiap daripada mereka. Begitulah kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan penerimaan khalayak terhadap nilai nasionalisme yang berfokus di dalam filem tersebut, namun berbeza dengan tujuan kajian yang akan dijalankan di mana penyelidik ingin menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada nasionalisme di dalam filem *Ola Bola* (2016).

Kajian yang kelapan pula adalah kajian ilmiah yang bertajuk *Representasi Nasionalisme dalam Filem Habibie dan Ainun* karya Rony Oktari Hidayat yang diterbitkan pada tahun 2014. Filem ini terkenal setelah filem *Laskar Pelangi*, mengisahkan Habibie yang sangat cintakan isteri, keluarga dan juga tanah airnya. Semangat nasionalisme dalam diri Habibie membuatkan beliau perlu memilih di antara keluarga dan Negara. Fokus penyelidikan kajian ini adalah bagaimana pemaparan semangat nasionalisme di dalam filem tersebut. Kajian Hidayat (2014) ini menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui analisis semiotik. Penyelidikan ini dianalisis dengan menggunakan analisis semiotik dari John Fiske yang dikenali sebagai *The Codes of Television*. Teori ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu *Level Reality*, *Level Representation*, dan *Level Ideology*.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap kajian Hidayat (2014) ini, kisah ini bukan sahaja mengisahkan Habibie sebagai presiden ketiga Indonesia dan juga seorang suami bahkan filem ini memaparkan kisah perjuangan Habibie dalam membangunkan Indonesia. Di sini sahaja secara logiknya tanpa perlu menonton sudah pasti kita dapat merumuskan bahawa Habibie kehilangan banyak masa untuk diluangkan bersama keluarganya. Maka, muncul konflik-konflik di dalam filem ini. Betapa pentingnya penyelidikan ini kerana filem *Habibie dan Ainun* menjulang kisah seorang tokoh kebangsaan Indonesia

bersesuaian dengan peranan filem sebagai medium yang memiliki fungsi informasi, hiburan dan pendidikan. Kesimpulannya, melalui penghasilan karya filem sebegini yang menyisipkan nilai-nilai nasionalisme dapat mencorakkan minda sesiapa yang menonton untuk lebih terdedah kepada konsep nasionalisme dari diri seseorang individu.

Kajian berikutnya adalah kajian bertajuk *Analisis Resepsi Mahasiswa UMS Terhadap Nilai-Nilai Nasionalisme dalam Filem Soekarno* ditulis oleh Sri Harsini yang diterbitkan pada tahun 2016. Penyelidikan ini menggunakan kaedah *reception analysis* kualitatif yang mengkhususkan kepada teks dan konteks. Dapatan hasil pengkaji kajian ini dilihat bahawa responden yang ditemubual bagi mendapatkan pandangan mengenai nilai nasionalisme dalam filem *Soekarno* ini merupakan *negotiated reading* dan *dominant reading*. Kajian ini hanya bertujuan untuk memperoleh perbezaan pandangan khalayak ramai terhadap penerimaan mereka ke atas nilai-nilai nasionalisme yang terdapat di dalam filem *Soekarno*. Hasil dapatan informan dalam kajian ini, penyelidik mendapati sebilangan mereka terdiri daripada *negotiated reading* dan sebilangan lagi adalah *dominant reading*. Kesimpulannya, kajian ini hanya bertujuan memfokuskan penerimaan mahasiswa terhadap nilai nasionalisme manakala kajian yang akan dijalankan mengkhususkan elemen nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016) iaitu filem yang bertemakan sukan.

Seterusnya, kajian daripada Fidda Rifqi Azizah yang bertajuk *Nilai-Nilai Nasionalisme dalam Filem 'Tanah Surga Katanya'* karya Herwin Novianto dan *Manfaatnya sebagai Sumber Belajar Bahasa Indonesia di Madrasah Ibtidaiyah* yang diterbitkan pada tahun 2020. Tujuan kajian ini untuk mengetahui akan unsur-unsur nasionalisme dalam filem *Tanah Surga Katanya* dan faedahnya sebagai bahan pengajaran Bahasa Indonesia di Madrasah Ibtidaiyah. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan deskriptif kualitatif. Data dikumpul menggunakan kajian dokumentasi yang merangkumi data primer iaitu kandungan filem *Tanah Surga Katanya* itu sendiri dan data sekunder di mana perlu merujuk hasil penulisan kajian lain yang membincangkan isu berkenaan filem yang sama sama ada dalam bentuk mahupun

internet. Data dianalisis melalui *content analysis* untuk menganalisis kandungan mesej dan penyampaian cerita.

Kajian ini dengan mudahnya dapat mengumpulkan data dengan analisis kandungan filem sahaja untuk melihat nilai-nilai nasionalisme yang wujud di dalam *Tanah Surga Katanya*. Disebabkan oleh kebimbangan terhadap rakyat yang lebih memilih karya filem luar Negara berbanding filem buatan Negara sendiri, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian melalui karya sastera filem tanah air agar pembaca mampu memperoleh manfaat daripada kajian ini iaitu terhadap nilai-nilai nasionalisme yang merujuk kepada pemahaman dan kesedaran dalam mencintai tanah air sendiri. Hasil daripada penelitian yang dilakukan ke atas kajian ini, penulis menggunakan filem nasional Indonesia yang berkisar kisah hidup masyarakat di persempadan Negara antara Indonesia dan Malaysia, manakala, kajian yang akan menyelidik jalankan adalah kajian semangat nasionalisme dalam filem sukan Malaysia yang berkisar perpaduan dan kerja keras semangat kesukanan yang membawa kepada semangat nasionalisme dalam jati diri warganegara.

Kajian yang dijadikan sebagai rujukan seterusnya adalah kajian *Identiti Nasional dalam Penulisan Sajak Nasionalisme bagi Pelajar Bukan Penutur Jati* yang diterbitkan pada tahun 2018 merupakan hasil penulisan jurnal Nordiana Hamzah, Farra Humairah Mohd, Julita@Norjieta Taisin, dan Norazimah Zakaria. Objektif kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti identiti nasional yang menjadi pilihan para pelajar bukan penutur jati sewaktu menulis sajak nasionalisme (Nordiana Hamzah, 2018). Kaedah yang digunakan ialah pendekatan kualitatif. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dalam reka bentuk kajian dengan mengaplikasikan Teori Pendekatan Struktural. Manakala, penganalisisan data kajian pula merujuk kepada sajak yang dihasilkan secara bertema. Dapat dirumuskan melalui kajian ini bahawa pelajar bukan penutur jati mampu meluahkan perasaan sayang kepada Negara berdasarkan kemahiran mereka dalam penulisan sajak. Fokus kajian ini seperti yang diterangkan adalah melihat kepada pelajar bukan penutur jati yakni bermaksud pelajar selain daripada bangsa Melayu iaitu pelajar berbangsa Siam, pelajar berbangsa Cina dan pelajar berbangsa India.

Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian identiti nasional ini, pemilihan sajak bertemakan nasionalisme sebagai tunjang dalam menyemai semangat cinta akan Negara dalam kalangan pelajar yang bukan berbangsa Melayu. Hal ini demikian kerana, kebarangkalian untuk pelajar bukan berbangsa Melayu menuturkan bahasa Melayu di rumah atau bersama kawan-kawan sewaktu di sekolah sebagai bahasa utama adalah sangat rendah. Kajian ini bukan sahaja menganalisis isu identiti nasional berdasarkan sajak nasionalisme penulisan pelajar bukan Melayu, bahkan secara tidak langsung menyemai perkongsian identiti di kalangan rakyat Malaysia. Perkara ini berbeza dengan kajian yang akan dijalankan walaupun menggunakan pendekatan yang sama iaitu pendekatan kualitatif, namun begitu kajian ini memfokuskan isu nasionalisme dalam medium penulisan sajak manakala, kajian yang akan dijalankan adalah isu unsur semangat nasionalisme melalui filem *Ola Bola* (2016).

2.3 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas, penyelidik telah mendapati masih terdapat kelompangan dalam kajian-kajian lepas yang lain. Hal ini demikian kerana kajian-kajian lepas atau dikenali sebagai kajian literatur yang telah dikaji lebih memfokuskan kepada isu nasionalisme yang bersifat rawak dan bukan tentang nasionalisme di dalam sesebuah filem semata, di mana terdapat kajian yang memfokuskan tentang konsep 1Malaysia, nasionalisme dalam filem negara jiran, kajian pemahaman nasionalisme dalam kalangan mahasiswa tempatan di luar negara dan sebagainya. Manakala, di sini penyelidik ingin mengkaji unsur nasionalisme yang terdapat dalam filem *Ola Bola* (2016) yang umum mengetahui bahawa ianya adalah sebuah filem bergenre drama/sukan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini membahaskan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penghasilan kajian penyelidikan bagi mendapatkan data dalam menyempurnakan kajian yang dilakukan dan menepati tajuk kajian yang telah dipilih. Secara umumnya, dalam bahagian metodologi kajian ini terdiri daripada kaedah penyelidikan yang merangkumi kaedah pendekatan kualitatif mahupun kaedah pendekatan kuantitatif. Bahagian ini merupakan bahagian yang paling berkesan untuk mendapatkan data bagi menyelesaikan permasalahan dalam kajian penyelidikan ini.

3.2 KAEDAH PENYELIDIKAN

Terdapat dua kaedah kajian di dalam kaedah penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah pendekatan yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif yang mana pendekatan bersifat deskriptif yang berupa dalam bentuk temubual, analisis dokumen dan pemerhatian (Jasmi, 2012). Diari pengkaji atau catatan lapangan merupakan tunjang utama dalam pengesahan kerja lapangan yang dilakukan dalam kajian kualitatif. Kaedah kajian ini digunakan untuk mengumpulkan data dan mendapatkan pemahaman berdasarkan sesuatu kes. Di dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah memutuskan untuk menggunakan pendekatan ini sebagai kaedah penyelidikan.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif pula melibatkan kuantiti dan lebih berstruktur serta bersifat numerikal atau statistik. Dari segi skop kajian, ia melibatkan jumlah responden yang besar bagi merekodkan data. Statistik yang dimaksudkan termasuklah pengiraan seperti median, min, peratus dan mod serta lain-lain lagi.

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

3.3.1 Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan hasil dari kajian yang dijalankan selaras dengan objektif kajian penyelidikan ini. Dalam penyelidikan ini pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder dalam membuat penilaian keseluruhan bagi merungkai permasalahan untuk dianalisis berdasarkan kesesuaian kajian.

1. Data Primer

Data primer ini merupakan data penyelidikan yang memberikan data secara langsung tanpa melalui medium pertengahan. Dalam konteks ini, data primer adalah penelitian yang membawa maksud pemerhatian secara terus yang akan memberikan maklumat kepada penyelidik untuk menganalisis. Di bawah data primer ini, penyelidik menggunakan kandungan pengisian filem *Ola Bola* (2016) itu sendiri melalui pemerhatian secara langsung untuk mendapatkan data mengenai unsur nasionalisme yang wujud di dalam filem ini.



Rajah 3.3.1: Poster Ola Bola

2. Data Sekunder

Data sekunder merupakan sumber penelitian yang tidak memberikan data secara langsung kepada penyelidik. Hal ini demikian kerana, data sekunder memerlukan rujukan kepada bahan rujukan tertentu. Misalnya, seperti internet, buku ilmiah, jurnal dan sebagainya.

i. Kajian Perpustakaan

Dalam penghasilan data sekunder, buku serta jurnal adalah salah satu medium yang menjadi rujukan mendapatkan maklumat yang berkaitan dalam penghasilan kajian ini. Jurnal atau buku yang dipilih adalah yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

ii. Internet

Sumber internet merupakan salah satu kaedah asas yang digunakan untuk mendapatkan pelbagai maklumat dengan begitu mudah. Maklumat berkaitan yang mampu menyokong kajian telah diperolehi melalui carian di *Academia*, *Google Scholar*, *Researchgate* dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga rujukan kajian seperti akhbar dan artikel yang boleh didapati secara atas talian bagi menambah maklumat penyelidikan ini. Sumber internet ini adalah salah satu sumber yang paling utama dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan.


iii. Audio Visual

Penggunaan audio visual ini juga adalah salah satu kaedah yang digunakan bagi membantu dapatan maklumat yang berkaitan dengan unsur semangat nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016). Penggunaan audio visual ini telah menemui filem *Ola Bola* (2016) sebagai bahan kajian. Selain itu, audio visual juga mampu membantu pengkaji dalam mendapatkan data daripada video di *Youtube behind the scenes Ola Bola*.

iv. Analisis Kontekstual

Seterusnya, analisis kontekstual merupakan analisis wacana iaitu sama ada melalui lisan atau penulisan. Maklumat boleh diperolehi melalui analisis kontekstual iaitu ia dijadikan sebagai panduan mendapatkan kesahihan mengenai maklumat yang berkaitan. Analisis kontekstual ini telah dibuat berdasarkan rujukan seperti jurnal, akhbar dan filem. Melalui penulisan kajian lepas dan juga akhbar telah membantu pengkaji dalam mendapatkan data bagi kajian ini. Selain itu, analisis kontekstual melalui lisan dalam filem *Ola Bola* (2016) ini sendiri telah membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian. Misalnya, penggunaan bahasa dan perkataan yang dituturkan oleh pelakon melibatkan hubungan di antara si pembicara dan juga pendengar.

3.4 CARTA ALIRAN PENYELIDIKAN



Rajah 3.4: Carta Aliran Penyelidikan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.5.2 SEMESTER 8

	MAC		APRIL			MEI		
AKTIVITI								
PENYELIDIKAN TAJUK								
PEMILIHAN TAJUK								
OBJEKTIF KAJIAN DAN SKOP KAJIAN								
TAKLIMAT BAB 2 PROJEK PENYELIDIKAN								
PENGHANTARAN PROPOSAL								
KAJIAN LITERATUR								
PENULISAN BAB 1, 2 & 3								
PENGHANTARAN DAN PEMBENTANGAN								

Rajah 3.5.2: Carta Gantt Semester 8

3.6 KESIMPULAN

Berdasarkan pendekatan kajian yang telah digunakan merangkumi instrument-instrumen kajian tersebut terhadap kandungan filem *Ola Bola* (2016), pengkaji telah dapat mengumpulkan data bagi melihat kewujudan unsur-unsur nasionalisme yang terdapat di dalam filem *Ola Bola* (2016) ini. Unsur nasionalisme dalam filem ini ditunjukkan di dalam babak-babak bukan sahaja melalui gaya penceritaan mengikut situasi bahkan melalui audio visual di mana secara tepatnya adalah melalui penggunaan dialog yang dituturkan oleh para pelakon. Khususnya apabila memasuki babak-babak yang kritikal seperti babak tentang tiada persefahaman antara watak Ali dan Eric.

BAB 4


DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan, di dalam dapatan kajian ini, pengkaji membahaskan analisis tentang unsur-unsur nasionalisme yang terdapat dalam filem *Ola Bola* (2016) arahan Chiu Keng Guan. Analisis unsur nasionalisme ini dilihat melalui babak-babak tertentu yang memaparkan elemen nasionalisme yang wujud di dalam karya ini bagi menghasilkan sebuah produk akhir yang menggunakan kaedah pesanan khidmat masyarakat bertujuan memberikan mesej kepada masyarakat agar memahami apakah itu nasionalisme.

4.1 ANALISIS UNSUR-UNSUR NASIONALISME

Hasil analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa filem ini berjaya memaparkan unsur-unsur nasionalisme dalam kandungan naratifnya. Antaranya dapat dilihat melalui babak terawal pada durasi 00:06:10, yang mana menyaksikan pertemuan Marianne dan Balak Eric, Eric menyatakan bahawa “Pasukan bola sepak ialah satu kumpulan, menang atau kalah itu beban yang terlampau besar untuk ditanggung seorang”. Pernyataan dari Eric ini sahaja sudah menunjukkan diri beliau sebagai rakyat yang mengerti bagaimana sukan bola sepak ini menjadi satu medium bagi kebersamaan bukan sahaja di antara ahli pasukan tersebut, bahkan melibatkan sokongan keluarga terdekat, penyokong-penyokong bola sepak dan juga rakyat Malaysia. Apabila semangat nasionalisme itu ada dalam diri seseorang individu, kemenangan sesebuah negara bukan sahaja melibatkan pasukan bola sepak tetapi seluruh rakyat Malaysia yang sama-sama berjuang menyokong penglibatan Malaysia dalam apa jua bidang.



Rajah 4.1.1: Babak Marianne bertemu Eric

Seterusnya, pada durasi 00:08:55 sewaktu Ali dan rakan-rakannya pergi ke pesta ria. Babak tersebut dilakonkan oleh pelbagai kaum termasuk Ali dan rakan-rakannya. Perbezaan kaum dan budaya tidak menjadi satu isu di dalam filem ini. Apabila seorang individu memiliki sifat perpaduan kaum dan boleh bergaul tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Bermula dari perpaduan kaum yang baik dan erat antara satu sama lain dapat mewujudkan elemen nasionalisme dan jati diri anak-anak muda apabila mereka saling menerima kelainan asal usul yang berbeza dan juga warna kulit bukan alasan untuk mereka penting diri dan bertindak menyatakan Malaysia hanya milik melayu. Penerimaan ini mewujudkan terma Malaysia harmoni kerana berbilang kaum dan bangsa yang berlainan dengan negara-negara lain. Bahkan negara lain yang mempunyai kaum yang berbeza belum tentu boleh menerima antara satu sama lain. Rakyat yang bersatu-padu, secara rasionalnya pasti mempunyai semangat nasionalisme dalam diri mereka, iaitu semangat bangga menjadi warganegara Malaysia. Semangat ini bukan sahaja sekadar bangga, bahkan ada di antara mereka yang sanggup berjuang bersama-sama untuk mengharumkan nama negara ke persada dunia.

Karnival Tunas Jiran platform terbaik jalin integrasi

UTUSAN MALAYSIA
14/05/2012 (ISNIN) M/S 27

Pupuk semangat perpaduan kaum



KANAK-KANAK Tabika Perpaduan meriah acara sambutan Karnival Tunas Jiran di Kompleks Belta dan Sukan Paroi, Seremban, semalam.

Oleh NOOR HANIS HARUN
utusan19@utusan.com.my

SEREMBAN 13 Mei - Karnival Tunas Jiran anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri (JPININ) di Kompleks Belta dan Sukan Paroi, di sini hari ini dianggap sebagai salah satu platform terbaik ke arah memupuk semangat perpaduan kaum dalam kalangan penduduk di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Adat Istiadat Negeri Sembilan, Datuk Mohammad Razi Kail berkata, pengajuran karnival tersebut bertujuan menyemarak serta memupuk perpaduan dan integrasi pelbagai kaum dari peringkat awal kehidupan.

Antara program yang dijalankan untuk kanak-kanak tadika ini adalah pertandingan mewarna, bola sepak, bola jaring, pertandingan reka cipta, pertandingan bercerita dan pakaian beragam.

Kata Razi, program sedemikian dapat memastikan generasi muda terhidar daripada sikap syak-wasangka yang menjadi elemen perosak dalam masyarakat pelbagai kaum.

"Kita ambil saja contoh pihak pembangang yang sentiasa menggunakan isu perkauman untuk memecah-belahkan rakyat demi kepentingan politik mereka.

"Sebab itu kita ingin sematkan semangat perpaduan kepada anak-anak kecil ini, sekali gus membolehkan mereka mendalami erti perpaduan dan integrasi nasional," ujarnya.

Karnival tersebut diadakan sempena sambutan Minggu Perpaduan 2012 peringkat negeri yang dihadiri oleh 3,200 pengunjung termasuk kanak-kanak tadika, guru-guru dan orang ramai.

Rajah 4.1.2: Antara keratan akhbar mengenai jalinan integrasi semangat perpaduan kaum melalui program Karnival

18 KITALAH MALAYSIA

AMAD 3 BERSAMA 2017 • SUKSES BERSAMA

Pupuk perpaduan di kedai makan

Milik turut barakan semangat patriotisme pelanggan dengan memaparkan sejarah daerah di dinding restoran

Konangan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar ke restoran ini pada Disember 2015 menggenitirakan James dan pelanggan.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Perubahan itu semakin bertepatan dengan tabahlah hidup James Teo Hong Heng, 40.

Anak jati Muar ini mempunyai cara berbeza untuk menghargai tanah tumpah darahnya.

Caranya yang lebih santai, tidak mendasak, tidak memaksa, tetapi masih mampu pengaruh masyarakat dan pemerintahan negara pelbagai kaum ini.

Bermula dengan mempublikasikan sebuah restoran di Muar, 15 tahun lalu, dia mendekati masa lalu yang tidak terdulu kepada sesuatu kaum, mampu menarik pelanggan pelbagai ras bertandang ke situ. Ia secara tak sengaja menjadi platform penyatuan kaum.

Semangat perpaduan yang terselal di restoran bernama Rabbit Home itu lama kelamaan memberi ilham kepada James untuk menambah konsep baharu yang mampu mengukuhkan lagi rasa cinta pelanggannya kepada tanah tumpah darah mereka, terutamanya Muar.

Abadi kisah sejarah daerah di dinding restoran

Menurut James, dia memilih untuk mempublikasikan sejarah berkaitan garis masa di Muar bagi memperkembangkan ilmu berkenaan kepada orang ramai.

"Tidak kira apa pun bangsa dan kaum seseorang itu, namun sejarah tempat mereka perlu diketahui kerana ia sebahagian ilmu yang penting dalam diri seseorang."

"Bagaimanapun, saya beranggapan kisah seperti ini sudah mulai tidak diberi perhatian terutama generasi muda.

"Celah itu, lakaran sejarah yang dibahaskan di restoran ini secara tak langsung pastinya bermanfaat untuk pengunjangan mengenai ilmu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tarablah James, semasa lakaran itu dihasilkan sendiri dengan melukis di

berpusing, ia adalah keprihatinan orang Cina juga diukuhkan latta warisan, kuerten pangsang deng dan ala jeli pop. Bagi kaum Melayu di sajan seperti ketunya, dia keri mabuh, dia kawang ada dipual di sini.

"Jika sebegini ini rakutaku loda lottu roti, amat diujikan, namun terpuksi dibentarkan semestinya kerana tidak pekerja sekuat. Bagaimanapun ia akan dipual tidak lama lagi sebagai memantapkan konsep i Malaysia untuk bimbingan di sini," katanya.

Komitel perluasan sejarah daerah kepada semua

James dalam pada itu mengpakat memusing impian anak, menjadikan bandar Muar sebagai Bandar Warisan Dunia suatu hari nanti.

"Penubuhan Muar yang merangkumi pelbagai kaum dan budaya wajar dikembangkan agar diketahui semua penduduk. Saya berharap impian saya ini dapat direalisasikan dengan kerjasama daripada mana-mana pihak," katanya.

Menurut James, dia mengibah-ibahkan pelbagai idea daripada orang ramai terutama penduduk Muar untuk berkecuali kisah sejarah yang boleh beri manfaat bersama.

Menu kesukaan pelbagai kaum

Selain itu, yang mengidat tirikan ramal untuk datang ke Restoran Rabbit Home apabila pengusaha turut memberi penekanan dalam menu yang disediakan meliputi hidangan bersebaran Melayu, Cina dan India.

"Setan makanan bertukar dan

sekitar dinding mengikat turutan bermula daripada penyediaan Peranakan ke Muar sebagai zaman Kesultanan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.

"Jadi, sambil mereka menikmati hidangan, mereka dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan berasa bangga dengan sejarah asal usul tempat mereka," katanya.

James berkata, dia memilih untuk mengadakan sejarah bertukar di Muar sekitar 1800 hingga 2000 tahun, yang menjadi titik permulaan daerah ini berkembang.

Menurutnya, dia percaya terdudukan yang dilakukan itu turut dapat memberikan semangat patriotik kalangan pelanggannya.

"Konsep ini juga memberi minat kepada orang luar, malah restoran ini pernah menerima pengunjangan dari negara Jepun dan China yang mahu mempelajari sejarah di sini," katanya.

1950

1950

1950

Rajah 4.1.3: Keratan akhbar mengenai perpaduan bermula dari kedai makan




Rajah 4.1.4: Babak Ali dan rakan-rakan di Pesta Ria

Selain itu, pada minit 00:14:00, memaparkan Rahman, seorang yang memasang impian untuk menjadi pengulas professional. Hampir setiap masa menyebutkan ulasan tentang pasukan bola sepak Malaysia dan gol. Semangat Rahman ini terlalu jelas untuk digambarkan. Boleh dikatakan seperti fanatik dan obses, namun semangat positif seperti inilah yang boleh menarik masyarakat dari kalangan kanak-kanak hingga dewasa mampu terpengaruh. Kemahiran Rahman dalam mengulas antara yang menjadi satu *highlight* di dalam filem ini. Sesiapa yang menonton filem ini pasti teruja dengan watak dan personaliti Rahman yang begitu bersemangat. Semangat yang berkobar-kobar ditonjolkan oleh watak Rahman ini perlu dicontohi oleh masyarakat pada hari ini. Seperti laungan yang sering diungkapkan oleh Rahman, “Go! Go! Go! Go! Go! Go!”. Kita tidak perlu menunjukkan semangat ini dengan terlalu beria-ria, cukup sekadar mempunyai kesedaran nasionalisme dan cintakan tanah air.



Rajah 4.1.5: Babak Rahman ditegur oleh senior pengulas

Pada durasi 00:28:15, sewaktu Ali dan Muthu sedang berlatih di padang. Kegigihan mereka berlatih pada lewat malam membuktikan mereka menyertai pasukan kebangsaan ini bukanlah hanya semata kerana minat atau pekerjaan. Tetapi mereka membuktikan bahawa semangat cintakan negara itu ada dalam jiwa kerakyatan mereka. Semangat persahabatan, dan kerakyatan. Mereka berdua bersungguh dalam mengharumkan nama negara. Mereka tidak gagal dalam membuktikan semangat nasionalisme tidak pun berkurang walau sudah berkali-kali menerima kekalahan menentangi negara lain. Kegagalan sekali bukan bererti gagal selamanya. Kedua-dua mereka mempunyai satu tujuan yang sama, iaitu mengharumkan nama negara dengan sokongan keluarga dan seluruh rakyat Malaysia.



Rajah 4.1.6: Babak Ali dan Muthu berlatih hingga lewat malam

Seterusnya, pada minit 00:31:55, sewaktu perlawanan persahabatan tamat antara Malaysia dan US Leopard, pasukan bola sepak ini mengalami sedikit perbalahan mengenai cara permainan mereka di atas padang. Ali yang sedari awal tidak menyukai kehadiran Eric, bertengkar antara mereka kerana ketidakpuasan hati. Ali memarahi Eric kerana Eric mendapat nombor jersi 10 untuk menggantikan watak Samsul yang meninggalkan pasukan bola sepak negara. Manakala, Eric mempertahankan dirinya dengan menegur rakan-rakannya. Beliau datang jauh dari Sabah semata-mata untuk bermain dengan mereka semua, untuk bermain mewakili negara, namun tiada seorang pun yang memberikan bola kepada Eric sewaktu permainan berlangsung. Perbuatan mereka sama sahaja seperti tidak mempunyai semangat berpasukan dalam membawa nama Malaysia bersama-sama mereka kerana tidak menghiraukan Eric sebagai ahli pasukan yang sama. Semangat jati diri Eric perlu dicontohi oleh rakan-rakan sepasukannya yang lain. Perbalahan yang terjadi disebabkan Ali yang sering tidak berpuas hati kerana Ali merasakan dirinya sudah terlalu banyak berlatih meningkatkan stamina dan kemahiran namun Eric yang mendapatkan nombor 10 tersebut. Sukan seharusnya menyatukan bukan membinasakan.

Sukan mampu terap nilai perpaduan kaum: Muhyiddin

» Penganjuran dari peringkat sekolah lahir modal insan berdaya saing

Oleh Abdul Razak Raaff dan Syazwan Msar
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Sukan adalah medium penting dalam menerapkan nilai perpaduan antara kaum selain memperkasakan pembangunan modal insan yang holistik dan berdaya saing, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penganjuran sukan dari peringkat sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi bukan saja dapat melahirkan

atlet sukan berprestasi tinggi, malah juga meningkatkan kecemerlangan akademik.

Beliau berkata, menerusi pembabitian aktif dalam sukan, pelajar dapat berkomunikasi, bersosial dan mengenali satu sama lain, merentasi sempadan kaum dan budaya.

Katanya, ia sekali gus membuktikan komitmen kerajaan dalam memartabatkan sukan bukan saja bagi melahirkan atlet berbakat untuk cemerlang sehingga peringkat antarabangsa, malah turut menjadi ejen perpaduan mengeratkan hubungan walaupun berbeza latar belakang.

Tingkat pencapaian sukan
"Asas perpaduan yang kukuh boleh dibina menerusi sistem pendidikan negara dengan meletakkan sukan antara bidang utama serta memberi galakan kepada pelajar menyertainya hingga peringkat tertinggi.

"Pada masa sama, Kementrian Pendidikan turut melaksanakan pelbagai usaha meningkatkan pencapaian sukan selaras kecemerlangan akademik. Keseimbangan pembangunan kedua-dua perkara ini dilihat akan dapat mempertingkatkan lagi pencapaian sukan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pembukaan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA)

Kelima di Kolej Matrikulasi Pahang, Gambang di sini, malam tadi. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

“Asas perpaduan yang kukuh boleh dibina menerusi sistem pendidikan negara dengan meletakkan sukan antara bidang utama”

Muhyiddin Yassin,
Timbalan Perdana Menteri

Seramai 1,281 pegawai dan atlet dari tujuh kontinjen institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan menyertai sukan yang bertemakan 'SIPMA Menjana Perpaduan' selama enam hari berakhir Jumaat ini.

Muhyiddin juga mahu sekolah memberi perhatian serius dengan meletakkan sukan sebagai satu daripada bidang yang diberi keutamaan selaras dasar 1MURID 1SUKAN seterusnya melahirkan bukan saja modal insan berdaya saing malah juga atlet pelajar yang mampu mencapai taraf dunia.

Justeru, katanya, kementerian itu akan terus melaksanakan program komprehensif dengan memperkasakan pengurusan dan pembangunan sukan daripada peringkat awal.

Rajah 4.1.7: Keratan akhbar mengenai sukan memupuk perpaduan kaum

© KHAMIS 11 FEBRUARI 2016 BH
MS 28

SOSIAL

Sikap individualistik punca perpaduan kaum terjejas

Sempena Tahun Baharu Cina ini, penulis mengajak semua lapisan masyarakat menilai kembali tahap perpaduan di negara ini. Kepelbagaian kaum dan etnik di sesebuah negara biasanya dikaitkan dengan isu perpaduan dan hubungan antara etnik.

Pembentukan negara demokrasi yang berdaulat di negara ini adalah hasil pakatan murni dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum ketika itu.

Oleh itu, jika perpaduan adalah satu syarat untuk mencapai kemerdekaan, maka perpaduan juga perlu dikekalkan untuk kemakmuran negara selepas merdeka.

Namun demikian, cabaran utama membina negara bangsa di Malaysia ialah kesukaran menyatukan budaya asing dalam satu bentuk budaya yang dominan.

Selain itu, terlalu bersikap individualistik melebihi kepentingan negara boleh menyukarkan perpaduan. Boleh juga terjadi ada yang memeningkan kaum atau etnik sendiri berbanding kaum lain.

Perasaan tak puasa hati
Mereka sanggup melakukan apa sahaja agar kaum mereka mendapat apa diinginkan sama ada dari segi sosial, ekonomi dan politik. Kesannya, akan wujud perasaan tidak puas hati sesuatu kaum terhadap kaum lain.

Oleh itu, perlu pertimbangan dalam menghormati dan bertoleransi terhadap norma orang lain dan rasa kolektif dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik.

Toleransi adalah sifat yang sangat dituntut dalam negara yang mempunyai kepelbagaian etnik seperti Malaysia.

Toleransi antara kaum
Toleransi bukan sahaja berkenaan kesaksamaan, keadilan atau berkecuali sahaja, tetapi satu perkara yang memerlukan tindakan secara rela semua pihak bagi memastikan keputusan yang dikehendaki dengan persetujuan dan bukannya kekerasan.

Oleh itu, toleransi sering dianggap sebagai antara elemen teras demokrasi dan petunjuk perpaduan sosial. Menjadikan

Malaysia sebagai hak dan tanggungjawab semua kaum untuk memelihara keharmonian dan kemakmuran negara ini.

Rasa kebersamaan perlu dipupuk demi melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab terhadap negara. Dengan kata lain, memelihara keharmonian dan kemakmuran menjadi tanggungjawab bersama semua kaum dengan menjadikan Malaysia sebagai hak dan kepunyaan bersama.

E-MEL PEMBACA
Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Sitti Hasnah Bandu,
Pelajar Phd Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rajah 4.1.8: Keratan akhbar tentang sikap individualistik punca perpaduan kaum terjejas



Rajah 4.1.9: Babak pertengkaran Eric dan Ali



Rajah 4.1.10: Babak pertengkaran Eric dan Ali

Pada durasi 00:51:20, pasukan bola sepak negara kembali berusaha keras bersama-sama untuk menaikkan semula nama negara daripada kekalahan yang lepas. Pasukan yang hebat adalah pasukan yang saling bekerjasama, toleransi dan saling hormat-menghormati. Bagi memperbaiki semula komitmen mereka terhadap sukan ini, jurulatih membawa mereka ke pusat latihan tentera untuk latihan fizikal tentera bagi persiapan pra-olimpik untuk meningkatkan stamina sekaligus meningkatkan hubungan bersatu padu di antara mereka. Pada minit ke 00:51:45, mereka dilayan seperti seorang pejuang yang berada di medan perang. Kekalahan di medan perang menyebabkan kematian, rakan-rakan umpamanya seperti nyawa mereka sendiri, kerana kekuatan sebuah kumpulan bergantung pada betapa kuatnya senjata kerjasama antara ahli pasukan. Antara kata-kata yang diingati pada babak ini ialah, “Maruah pasukan ini sama-sama kita jaga!”



Rajah 4.1.11: Babak pemain bola berlatih bersama-sama dengan gigih.

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.1.12: Babak pemain bola sepak negara berada di dalam pesawat tentera

Selain itu, babak pada durasi 01:03:48 memaparkan semangat nasionalisme yang wujud dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia. Penonton yang menonton pasti bukan sahaja rasa terhibur malah merasakan keistimewaan dan keterujaan membuatkan mereka lupa bahawa di Malaysia ini kita sebenarnya hidup berbilang kaum. Menjadi rakyat Malaysia merupakan satu kebanggaan bagi sesiapa sahaja. Apatah lagi melibatkan sukan bola sepak yang sememangnya diiktiraf sehingga ke luar negara. Semarak sokongan dan kibaran jalur gemilang di stadium merupakan satu tanda bahawa medium sukan bola sepak ini menjadi pencetus semangat dan rasa bangga menjadi rakyat Malaysia. Kekalahan sebuah pasukan bola sepak bukan sahaja akan dirasai oleh pemain bola, malah seluruh keluarga, dan rakyat Malaysia akan turut merasainya.



Rajah 4.1.13: Babak penyokong Malaysia yang teruja dengan ulasan Rahman

Babak pada durasi 01:06:15, menunjukkan pemain-pemain sedang berkumpul dan berborak mengenai berita tentang mereka di muka depan akhbar. Cai, salah seorang pemain simpanan menzahirkan impiannya untuk menjadi pemain bola sepak Malaysia yang pertama mengibarkan bendera Malaysia di Moscow. Impiannya digelakkan oleh rakan-rakannya yang merasakan angan-angan Cai seperti angan-angan Mat Jenin. Namun begitu, apa yang cuba dizahirkan oleh watak Cai inilah antara salah satu elemen semangat nasionalisme yang ada di dalam diri. Semangat cintakan negara dan menjadi seorang warganegara dan bergelar rakyat Malaysia adalah suatu keistimewaan yang takkan dapat di mana-mana. Lihatlah betapa watak Cai ini menyedarkan kita bahawa setiap orang sebenarnya perlu bangga menjadi rakyat Malaysia Cuma terpulang kepada kita untuk menzahirkan semangat itu atau pun tidak.




Rajah 4.1.14: Babak Cai sedang berangan dirinya bakal mengibarkan bendera Malaysia di Moscow

Seterusnya, babak pada durasi 01:20:20 memaparkan pasukan bola sepak Malaysia sedang berada di bilik persalinan. Mereka berhadapan dengan dilema bahawa ketika itu Malaysia memboikot Olimpik Moscow sedangkan mereka telah bermain matian-matian di atas padang dengan harapan layak ke sukan Olimpik. Pada mulanya mereka saling menyatakan kekesalan di antara mereka, namun pengakhirannya, mereka semua tetap meneruskan perlawanan. Semasa Tauke mengatakan untuk berhenti bermain pada hari itu, Muthu bangun dan meluahkan apa yang dirasainya selama ini. Beliau akan lebih rela jika menerima kekalahan pada hari itu berbanding mengalah untuk selamanya. Muthu mengingatkan rakan sepasukan yang lain “Tak dapat masuk Olimpik, terus tak nak main lagi dah?”. Peringatan Muthu memberi makna, walaupun tidak dapat memasuki Olimpik, tetaplah bermain kerana perjuangan bermain bola untuk negara ini adalah suatu pengorbanan. Cai juga antara yang meluahkan kekesalannya jika mereka berhenti ketika itu. Jika mereka memilih untuk kalah, bagaimana perasaan orang-orang sekeliling yang menyokong mereka dan mahu melihat kemenangan Malaysia?




Rajah 4.1.15: Babak pasukan di dalam bilik persalinan



Rajah 4.1.16: Babak pasukan di dalam bilik persalinan

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.1.17: Babak pasukan di dalam bilik persalinan



Rajah 4.1.18: Babak pasukan di dalam bilik persalinan

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.1.19: Babak pasukan di dalam bilik persalinan



Rajah 4.1.20: Babak pasukan di dalam bilik persalinan



Rajah 4.1.21: Babak pasukan di dalam bilik persalinan

KELANTAN

Babak pada minit 01:38:24, memaparkan gol bermakna buat Malaysia menentang Korea Selatan pada ketika itu. Kelihatan betapa penuh semangat suara penyokong

menggemakan satu stadium merdeka pada malam itu. Kemenangan yang diperoleh pasukan Malaysia bukan sahaja kemenangan bagi pemain sahaja, namun kemenangan buat seluruh rakyat Malaysia. Detik-detik kebanggaan yang dirakamkan ketika itu menjadi memori bagi sesiapa sahaja yang berada pada era itu. Persis ungkapan yang diungkapkan oleh Ali, “Kita kalah sama-sama, kita menang sama-sama”.



Rajah 4.1.22: Babak seluruh stadium bersorak atas kemenangan



Rajah 4.1.23: Babak pasukan Malaysia membawa jalur gemilang
meraikan kemenangan



Rajah 4.1.24: Babak masyarakat berbangsa Cina bersorak atas kemenangan pasukan Malaysia

4.2 KESIMPULAN

Hasil daripada analisis unsur semangat nasionalisme dalam filem *Ola Bola* (2016), pengkaji mendapati begitu banyak unsur nasionalisme yang dipaparkan di dalam karya Chiu Keng Guan ini. Analisis dapatan ini telah membuka mata pengkaji dalam memahami unsur nasionalisme. Tanpa kesedaran nasionalisme yang wujud dalam diri individu, maka agak sukar bagi mereka untuk menerima kekurangan yang ada dalam masyarakat. Misalnya, sesiapa yang memilih untuk menyendiri dan bersikap sombong pasti tidak peduli tentang kesedaran nasionalisme. Bahkan mungkin tidak mahu menonjolkan langsung elemen-elemen nasionalisme dalam kehidupan mereka.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab terakhir di mana pengkaji merumuskan segala perbincangan analisis yang telah dijalankan. Di samping itu, cadangan dan pendapat yang berkaitan serta relevan akan dikemukakan di dalam bab yang terakhir ini sebagai satu tujuan penambahbaikan apa sahaja yang telah dibahaskan. Hal ni kerana, sesebuah kajian penyelidikan dijalankan bertujuan untuk mendapatkan kefahaman berkaitan tajuk kajian penyelidikan yang telah dipilih secara mendalam.

5.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis kajian yang diperolehi, pengkaji telah berjaya mengupas unsur nasionalisme yang terdapat dalam filem *Ola Bola* (2016) ini. Berdasarkan ulasan-ulasan mengenai elemen nasionalisme, filem *Ola Bola* (2016) ini layak diangkat sebagai sebuah filem nasionalisme. Pengkaji yakin bahawa kajian ini akan dapat membuka mata masyarakat di samping menyentuh isu toleransi dan kasih sayang antara sesama masyarakat. Nasionalisme bukan sekadar ditunjukkan melalui tingkah laku sahaja, perkataan dan ucapan yang diungkapkan juga mampu menjadi satu elemen nasionalisme. Antara elemen dalam filem ini yang menunjukkan unsur-unsur nasionalisme adalah pemaparan persahabatan yang erat antara Rahman dan Tauke, seterusnya, kesedaran Marianne yang mahu terus bertugas di syarikatnya sebagai wartawan tempatan setelah menyedari betapa besarnya pengorbanan atlet-atlet Malaysia suatu ketika dahulu bagi membawa nama Malaysia ke sukan Olimpik. Diharap agar kajian ini dapat membantu para pengkaji lain untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan terhadap kajian tentang nasionalisme pada masa akan datang. Maka dengan itu, pengkaji telah memilih untuk melaksanakan sebuah pesanan khidmat masyarakat sebagai projek akhir bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.

5.2 CADANGAN

Antara cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji bagi kajian penyelidikan yang telah dikaji adalah:

1. Khususnya kepada penggiat filem tanah air, perbanyakkanlah karya-karya filem yang bertemakan kemerdekaan dan semangat nasionalisme atau apa sahaja filem yang mempunyai naratif penceritaan berkenaan seharusnya menyajikan penonton dengan kandungan kisah-kisah pengorbanan dan bagaimana masyarakat dahulu berjuang mencipta nama dalam mengharumkan nama negara.
2. Bukan sekadar hiburan sahaja, tetapi tujuan cerita itu adalah untuk memberi ilmu dan pengetahuan kepada penonton. Sepertimana filem *Ola Bola* (2016) ini, begitulah juga harapan pengkaji kepada pembikin filem di luar sana dapat terus berkarya dalam penghasilan filem-filem perjuangan negara.
3. Seterusnya, diharapkan agar pengkaji-pengkaji yang lain dapat menilai lagi akan aspek lakonan dan latar cerita filem *Ola Bola* (2016). Bagaimana produksi membuat pemilihan pelakon dan bagaimana tercetusnya idea untuk mengilhamkan sebuah filem berdasarkan kisah benar kerana ia mungkin memerlukan kajian yang banyak dan kos yang besar
4. Cadangan pengkaji kepada masyarakat pula ialah pengkaji berharap agar masyarakat memberi peluang kepada filem-filem kisah perjuangan mengharumkan nama negara untuk mencipta tempat dalam industri hiburan. Hargailah karya filem tempatan dan tontonlah sebanyak mungkin filem-filem tempatan yang boleh dijadikan sebagai pengetahuan dan pengajaran.

MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Abdullah, I. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N. (2005). *Perspektif Melayu, Barat dan Islam Mengenai Nasionalisme: Satu Kajian Perbandingan*.
- Abidin, Z. (2017). Representasi Nasionalisme dalam Film Naga Bonar Jadi 2: Analisis Semiotika Roland Barthes Mengenai Representasi Nilai-Nilai Nasionalisme dalam Film Naga Bonar Jadi 2. *Jurnal Politikom Indonesiana*.
- Ahmad, N. H. (2010). "Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam". *Kertas Persidangan Bengkel Fiqh Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia*, (p. 1).
- Asiah Sarji, F. I. (1999). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem di Malaysia*. Bangi, Selangor Darul Ehsan: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.
- Azizah, F. R. (2020). Nilai-Nilai Nasionalisme dalam Filem "Tanah Surga Katanya" Karya Herwin Novianto dan Manfaatnya sebagai Sumber Belajar Bahasa Indonesia di Madrasah Ibtidaiyah.
- Cob, S. A. (8 November, 2020). *Ulasan Filem Nasional (Tempatan)*. Retrieved from Academia.edu: https://www.academia.edu/39710335/ULASAN_FILEM_NASIONAL_TEMPATAN_SITI_ARVINA_CHE_COB_OLA_BOLA_Sebuah_Filem_Nasional_1_Malaysia
- Halim, K. H. (30 Ogos, 2020). *Malaysia Prihatin Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/08/726223/malaysia-prihatinkedaulatan-negara-tanggungjawab-bersama>
- Halim, K. H. (31 Ogos, 2020). *Patriotisme bukan sekadar semangat*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/99031/KHAS/Pendapat/Patriotismebukansekadar-semangat>
- Hara, A. E. (2005). Nasionalisme Indonesia dari Nasionalisme Lokal ke Nasionalisme Kosmopolitan. *Akbar Tanjung Institute*, 21.
- Haroon, R. (25 October, 2020). *A Film About Our Nation's Diversity may One Day Win an Oscar Best Picture Award*. Retrieved from New Straits Times: [nst.com.my/opinion/columnists/2020/10/634977/film-about-our-nations-diversity-mayone-day-win-oscar-best](https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/10/634977/film-about-our-nations-diversity-mayone-day-win-oscar-best)
- Harsini, S. (2016). Analisis Resepsi Mahasiswa UMS Terhadap Nilai-Nilai Nasionalisme dalam Filem Soekarno.
- Hidayat, R. O. (2015). Representasi Nasionalisme dalam Filem Habibie dan Ainun. 122.
- Jalani, M. R. (2015). Kajian Semangat Patriotisme dan 1Malaysia dalam Kalangan Mahasiswa di Timur Tengah. *Jurnal 'Abqari*, 15.

- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* (p. 14). Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2015). Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kecmanovic, D. (1996). *The Mass Psychology of Ethnonationalism*. Boston, MA: Springer.
- Kharis Maulana Akbar, L. H. (2017). Semangat Nasionalisme dalam Filem (Analisis Isi Kuantitatif dalam Filem Merah Putih). *ProTVF: Jurnal Kajian Televisi dan Film*, 125138.
- Kohn, P. H. (1965). *Nationalism: Its Meaning and History*. Toronto: Princeton, N.J., Van Nostrand.
- L. John Martin, A. G. (1997). *Sistem Media Massa Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linadi, R. C. (2014). Penerimaan Khalayak Terhadap Nilai Nasionalisme dalam Filem "Tanah Surga Katanya". *Jurnal E-Komunikasi*, 2-7.
- Mohamad Md. Yusoff, P. U. (2006). *Isu dan Cabaran Media di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nordiana Hamzah, F. H. (2018). Identiti Nasional dalam Penulisan Sajak Nasionalisme. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 103-116.
- O'Donnell, W. (30 Ogos, 2019). *Patriotism vs. Nationalism- What's the Difference?* Retrieved from Medium: <https://medium.com/@wesodonnell/patriotism-vs-nationalism-whatsthe-difference-5e23db662a3>
- Rahim, S. A. (2003). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sari, S. S. (2019). Representasi Nasionalisme dalam Film Aisyah: Biarkan Kami Bersaudara. *Jurnal JPSPD (Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar)*.
- Sarman, M. (1995). *Memaknai Kembali Nasionalisme*. Yogyakarta: Yayasan Widia Patria.
- Satrina. (2014). Nilai Nasionalisme dalam Filem Nasional (Analisis Semiotik Barthes Terhadap Filem 5 Cm). 92.
- Sraders, A. (5 Julai, 2018). *What is Nationalism?* Retrieved from The Street: <https://www.thestreet.com/politics/what-is-nationalism-14642847>
- Wahab, S. A. (6 September, 2015). *Panggung Sinema Kita Tandus Filem Patriotik*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/09/79861/panggung-sinema-kitatandus-filem-patriotik>
- Williams, A. L. (2001). *Film and Nationalism*. New Jersey: Rutgers University Press.